

D706

U B742 AAB
MAHATHIR - AKTA R R R R

KUALA LUMPUR, 14 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR HARI INI BERKATA AKTA PILIHANRAYA AKAN DIPINDA BAGI MENGELAKKAN ANGGOTA PARLIMEN ATAU DEWAN UNDANGAN NEGERI MELETAKKAN JAWATAN DAN BERTANDING SEMULA SEWENANG-WENANG BAGI MENGUJI PENGARUH MASING-MASING.

PERDANA MENTERI, YANG MENGULAS DESAKAN UMNO SELANGOR SUPAYA KERAJAAN MEMINDA AKTA TERSEBUT, MENYIFATKAN PERKARA ITU SEBAGAI SANGAT SERIUS DAN AKAN MEMBAWANYA KEPADA MESYUARAT KABINET.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA PADA MAJLIS RUMAH TERBUKA ANJURAN MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMED RAHMAT, DI SEBUAH HOTEL TERKEMUKA DI SINI.

BELIAU BERKATA PILIHAN RAYA ADALAH PERKARA YANG SERIUS YANG MELIBATKAN PERBELANJAAN OLEH KERAJAAN.

+KERAJAAN TIDAK INGIN DIPERALATKAN UNTUK MENENTUKAN SIAPA YANG KUAT DAN SIAPA YANG TIDAK,+ TAMBAHNYA. -- LAGI
1746MST 14 05 89

D712

U B747 AAB
MAHATHIR - AKTA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHAHTIR BERKATA KERAJAAN MENGURUSKAN WANG RAKYAT DAN BELIAU TIDAK FIKIR RAKYAT MEMBENARKAN ORANG-ORANG TERTENTU MENGGUNAKAN WANG MEREKA UNTUK MENENTUKAN SIAPA YANG LEBIH POPULAR DI ANTARA SATU SAMA LAIN.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA TUJUAN PILIHAN RAYA IALAH UNTUK MEMILIH WAKIL BAGI RAKYAT.

KATANNYA, PILIHAN RAYA BUKAN PERKARA YANG BOLEH DIMAIN-MAINKAN UNTUK MEMANCING UNDI KERANA BANYAK LAGI ISU LAIN YANG BOLEH DIMAINKAN.

MRNURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, PIHAKNYA AKAN MENKKAJI PERKARA-PERKARA YANG MUNGKIN DIPINDA DALAM AKTA TERSEBUT.

SEBAGAI CONTOH, MUNGKIN SESIAPA YANG MELETAKKAN JAWATAN TANPA ALASAN YANG MUNASABAH TIDAK DIBENARKAN BERTANDING LAGI DALAM PILIHAN RAYA YANG BERIKUTNYA, TAMBAHNYA. -- LAGI
1754MST 14 05 89

D724

U B749 AAB
MAHATHIR - AKTA 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI CABAR-MENCABAR ANTARA TIMBALAN PRESIDEN MCA, ENCIK LEE KIM SAI, DAN TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG DAP, ENCIK LEE LAM THYE, BAGI BERTANDING DI KAWASAN PARLIMEN SEPUTEH, PERDANA MENTERI BERKATA NAMPAKNYA ADA ORANG YANG SALAH FAHAM TENTANG PERANAN PILIHAN RAYA UNTUK MENENTUKAN SIAPA YANG LEBIH KUAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU HAIRAN DENGAN CABARAN YANG DIBUAT OLEH DAP SUPAYA MCA BERTANDING DI KAWASAN MAJORITI ORANG CINA SAHAJA SEDANGKAN PARTI ITU MENDAKWA KONONNYA IA MENGAMALKAN PRINSIP BERBILANG KAUM.

KATANYA, INI SEOLAH-OLAH UNDI BUKAN CINA SEPERTI MELAYU DAN INDIA TIDAK PENTING DAN BERNILAI BAGINYA.

BELIAU BERKATA AMALAN SEUMPAMA ITU ADALAH TIDAK SIHAT DARIPADA SEGI HUBUNGAN KAUM DI NEGARA INI.

MENGENAI PERLETAKAN JAWATAN ENCIK LEE KIM SAI SEBAGAI ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN HULU LANGAT, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TINDAKAN WAKIL BN MELETAKKAN JAWATAN BUKAN DIPERTANGGUNGJAWABKAN KEPADA DIRINYA TETAPI MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB BN. -- LAGI
1818MST 14 05 89

0735

U B754 AAB
MAHATHIR - AKTA 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BN, BERKATA: +KITA YANG PILIH DIA JADI CALON BN, JADI JIKA DIA HENDAK LETAK JAWTANPUN, SELAGI ADA DALAM BN, DIA HENDAKLAH MENDAPAT KEBENARAN TERLEBIH DAHULU.+

KATANYA, SETAKAT INI ENCIK LEE KIM SAI BELUM MENDAPAT KEBENARAN UNTUK MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI ANGGOTA PARLIMEN.

BELIAU BERKATA WAKIL RAKYAT BN TIDAK BOLEH MELETAKKAN JAWATAN DI ATAS KEHENDAKNYA SENDIRI KECUALI DENGAN KEHENDAK BN.

APABILA DITANYA BAGAIMANA JIKA ENCIK LEE KIM SAI TERUS BERHASRAT UNTUK MELETAKKAN JAWATAN DAN BERTANDING, PERDANA MENTERI BERKATA BERKEMUNGKINAN PILIHAN RAYA YANG AKAN DIADAKAN ITU TIDAK MENDAPAT SOKONGAN BN.

KATANYA, SETIAP PILIHAN RAYA YANG DIADAKAN TANPA DIRESTUI OLEH BN TIDAK MUNGKIN MENDAPAT SOKONGAN DAN BANTUANNYA. -- LAGI
1843MST 14 05 89

D745

U B761 AAB
MAHATHIR - AKTA 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU AKAN DIBAWA DALAM MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BN BULAN DEPAN.

MENGENAI ROMBAKAN KABINET, PERDANA MENTERI BERKATA SETAKAT INI BELIAU BELUM MEMIKIRKAN LAGI SOAL ITU.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, RANCANGAN BAGI MELANTIK ORANG BARU MEMEGANG JAWATAN MENTERI ATAU TIMBALAN MENTERI YANG KOSONG MEMANG ADA.

SEMENTARA ITU DI KUALA SELANGOR, TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, BERKATA BELIAU AKAN MENEMUI DATUK SERI DR MAHATHIR ESOK UNTUK MENENTUKAN SAMA ADA MENERIMA ATAU MENOLAK PERLETAKAN JAWATAN ENCIK LEE KIM SAI SEBAGAI ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN HULU LANGAT.

JIKA PERLETAKAN JAWATAN ENCIK LEE KIM SAI ITU DITERIMA BERMAKNA TIGA PILIHAN RAYA KECIL TERPAKSA DIADAKAN IAITU DI HULU LANGAT, BUKIT BINTANG DAN SEPUTEH. -- LAGI
1908MST 14 05 89

D746

U B762 AAB
MAHATHIR - AKTA 6 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA SECARA PERIBADI BELIAU TIDAK BERSETUJU JIKA KETIGA-TIGA PILIHAN RAYA KECIL ITU DITERUSKAN DAN AKAN MEMINTA DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAINYA,+ KATANYA SELEPAS MELANCARKAN SAMBUTAN HARI KELAHIRAN UMNO YANG KE-43 ANJURAN UMNO BAHAGIAN KUALA SELANGOR.

KATANYA, DATUK SERI DR MAHATHIR SEBAGAI Pengerusi BN BOLEH MEMUTUSKAN SAMA ADA MENERIMA ATAU MENOLAK PERLETAKAN JAWATAN ENCIK LEE KIM SAI.

JIKA CADANGAN PERLETAKAN JAWATAN ENCIK LEE KIM SAI TIDAK DITERIMA, PILIHAN RAYA KECIL KETIGA-TIGA KAWASAN ITU TIDAK AKAN DIADAKAN. -- BERNAMA
1910MST 14 05 89